



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 8/2017

- PERUBAHAN TARIKH CUTI KELEPASAN AM HARI KEPUTERAAN RASMI YANG DI-PERTUAN AGONG XV DAN HARI AWAL MUHARRAM**



JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S OFFICE
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



UUM
Universiti Utara Malaysia

Tel: 604-928 3101/3199
Faks (Fax): 604-928 3104
Laman Web (Web): www.uum.edu.my

"MUAFAKAT KEDAH"

Ruj. Kami : UUM/PEN/P-7/6
Tarikh : 5 September 2017

Semua Dekan/Ketua Jabatan/Pengarah/Pengetua INASIS
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 8/2017

**- PERUBAHAN TARIKH CUTI KELEPASAN AM HARI KEPUTERAAN RASMI
YANG DI-PERTUAN AGONG XV DAN HARI AWAL MUHARRAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Ke-237 Bil. 8/2017 pada 13 Ogos 2017 telah bersetuju menerima pakai perubahan tarikh yang diumumkan oleh kerajaan bagi dua (2) cuti kelepasan am seperti berikut:-

- a) Cuti Hari Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V bagi Tahun 2017 dipinda daripada 29 Julai 2017 (Sabtu) kepada 9 September 2017 (Sabtu).
 - b) Cuti Awal Muharram 1439 Hijrah diubah daripada 21 September 2017 (Khamis) kepada 22 September 2017 (Jumaat).
3. Sehubungan dengan itu, Cuti Awal Muharram 1439 Hijrah akan digantikan pada 24 September 2017 (Ahad) manakala Cuti Hari Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV tidak digantikan kerana jatuh pada hari Sabtu.

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah



(BAHARUDIN BIN YAACOB)

Timbalan Pendaftar
Menjalankan Tugas Pendaftar
Universiti Utara Malaysia

s.k - Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor
 - Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)